

## Konvokesyen UMP ke-5 1,030 pelajar terima ijazah dan diploma



Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) daripada Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah sempena Majlis Konvokesyen Ke-5 UMP di Dewan Kompleks Sukan UMP pada 9 Oktober 2010 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganugerahan ijazah kehormat itu adalah pengiktirafan terhadap usaha Adnan yang telah meletakkan Pahang sebagai sebuah negeri yang maju dan makmur.

Pada majlis konvokesyen ini, seramai 1030 pelajar UMP menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Daripada jumlah tersebut, seramai lapan pelajar menerima ijazah sarjana, 834 menerima ijazah sarjana muda dan 196 menerima diploma.

Selain itu, katanya, UMP buat pertama kalinya melahirkan graduan sulung Ijazah Doktor Falsafah iaitu Mohd. Ghani Awang, 54 yang menerima Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi).

Dalam pada itu graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Bahrn Mohd Shakir dan Lim Jo Ann diumumkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja iaitu Pingat Jaya Cemerlang.

Sementara, bagi penerima Anugerah Canselor dan Anugerah Naib Canselor pula dianugerahkan kepada graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Ng Kel-Wynn dan Rozainah Ibrahim.

Anugerah Emas Universiti pula dianugerahkan kepada Chan See Ling dan Koh Kelvin iaitu masing-masing merupakan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal.

Bagi Anugerah Kecemerlangan Yayasan Pahang dianugerahkan kepada graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Farah Arina Tamin.

Nur Afini Abdul Rahman yang merupakan graduan Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) pula dipilih untuk menerima hadiah industri iaitu Hadiah Kecemerlangan Heitech Padu.

Manakala, Rajaletchumy a/p Veloo Kutty merupakan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) menerima hadiah industri BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd.

Majlis konvokesyen kali ini turut memperkenalkan tiga anugerah baru iaitu Hadiah Kecemerlangan Ir Kee Book Hee, Sapura Industrial Berhad dan Hadiah SriKandi Matahari yang disumbangkan oleh Persatuan Wanita UMP (Matahari).

Hadiah Kecemerlangan Ir Kee Book Hee diterima oleh Chew Chai Siah yang merupakan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam.

Dua anugerah lagi ialah hadiah kecemerlangan Sapura Industrial Berhad dan Hadiah SriKandi Matahari diterima Nur Farah Bazilah Wakhi Anuar yang merupakan pelajar Sarjana Muda Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif dan Syarifah Nur Atiqah Sayed Ahmad yang merupakan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam.

Selain itu, buat julung kalinya program kerjasama antara Pusat Pengajian Profesional & Pengajian Berterusan (CENFED) dengan HICOM Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn. Bhd berjaya melahirkan 24 graduan Diploma Eksekutif Pengurusan Teknologi Industri dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi.

Kejayaan ini turut dirai pelajar kurang upaya, Siti Hawa Apandi, 21 yang mengidap penyakit Spinal Muscular Atrophy (SMA) iaitu sejenis penyakit yang telah melemahkan urat sarafnya sejak kecil menerima Diploma Sains Komputer dengan mencatat kejayaan cemerlang.

Majlis Konvokesyen kali ini juga menyaksikan pelancaran portal Alumni UMP oleh Prof. Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dalam Majlis Makan Malam anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan dihadiri lebih 600 ahli alumni.

Sementara itu, Program Bual Bicara Wanita yang dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin bertajuk 'Wanita Tradisional vs Wanita Moden' dibarisi ahli panel yang terdiri daripada ADUN Kuala Sentol, Dato' Shahaniza Samsuddin, Pengarah Pejabat Antarabangsa, UMP Dr. Wan Nurlidah Al Qadri dan Timbalan Yang Di-Pertua, Majlis Perwakilan Pelajar, Nur Hafizah Abd. Razak menutup tirai Karnival Expoconvo yang dilancarkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YH Dato' Mohd. Hilmeiy Mohd Taib sehari sebelum berlangsungnya Majlis Konvokesyen.